

Ringkasan Pernyataan Dasar Monetari (MPS): Januari 2024



Apakah keputusan BNM?

BNM mengekalkan OPR pada 3%

- Tahap OPR ini selaras dengan keadaan ekonomi yang kukuh dan kekal menyokong pertumbuhan
- Pembiayaan kekal tersedia berikutan pertumbuhan kredit yang berterusan

Apakah perkembangan ekonomi terkini?

Ekonomi Malaysia masih terus berkembang

- Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan akan menyokong perbelanjaan isi rumah
- Ketibaan dan perbelanjaan pelancong terus meningkat, lantas menyokong perniagaan tempatan
- Projek pelaburan swasta dan awam dilaksanakan dengan lancar
- Pergerakan ringgit baru-baru ini didorong terutamanya oleh perkembangan global. Pergerakan ini tidak mencerminkan prestasi dan prospek ekonomi negara



Seperti yang dijangka, inflasi terus menunjukkan trend menurun disebabkan oleh tekanan kos yang lebih rendah dan permintaan yang stabil



Apakah prospek ekonomi?

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2024 dijangka lebih baik manakala inflasi akan menjadi sederhana

- Pertumbuhan global yang berterusan akan memberikan manfaat kepada eksport negara
- Perubahan pada dasar dalam negeri akan mempengaruhi prospek pertumbuhan dan inflasi
- BNM akan memastikan OPR terus menyokong pertumbuhan dan pada masa yang sama terus mengawal inflasi

